



MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad

Incorporated in Malaysia \* Company No. 524898-M

## The Observer

04 Dis 2015

### KEMAS KINI MAKLUMAT PASARAN DAN KAWAL SELIA

#### LEMBAGA PEMANTAUAN AUDIT BATALKAN PENDAFTARAN JURUAUDIT BUAT KALI PERTAMA

Lembaga Pemantauan Audit (AOB) membatalkan pendaftaran firma audit Wong Weng Foo & Co bersama-sama Rakan Kongsi Pengurusan, Wong Weng Foo dan Rakan Kongsinya, Abdul Halim Husin berkuat kuasa mulai 2 Disember 2015.

Pembatalan itu dibuat di bawah seksyen 31Q(1)(a)(B) Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993 (SCMA) kerana gagal bertindak sewajarnya ketika mengaudit entiti kepentingan awam.

SCMA memberikan AOB kuasa untuk membatalkan pendaftaran juruaudit sekiranya juruaudit itu melanggar syarat pendaftaran yang ditetapkan oleh AOB di bawah seksyen 31O(3) SCMA.

Wong Weng Foo & Co, Wong Weng Foo dan Abdul Halim Husin didapati gagal mematuhi piawaian pengauditan ketika melaksanakan tugas audit ke atas dua entiti awam tersenarai. Di samping itu, Wong Weng Foo & Co juga gagal melaksanakan amalan pengauditan dengan jujur, cekap dan berhati-hati apabila firma itu gagal melaksanakan tindakan pemulihan seperti yang dilaporkan kepada AOB, susulan daripada hasil pemeriksaan yang lalu.

Wong Weng Foo & Co juga gagal memastikan individu yang menjalankan audit ke atas pernyata kewangan entiti awam tersenarai bagi pihak firma audit adalah bertauliah, cukup terlatih dan cekap.

Ini merupakan kali pertama AOB menggunakan kuasanya untuk membatalkan pendaftaran juruaudit. Tindakan AOB ke atas juruaudit ini membuktikan komitmennya untuk meningkatkan keyakinan dalam kualiti dan kebolehpercayaan pernyata kewangan beraudit untuk entiti kepentingan awam. Ia juga memberi isyarat yang jelas kepada profesion dan pasaran yang tidak akan bertolak ansur kepada sebarang ketidakpatuhan peraturan dan piawaian.

[Sumber: Kenyataan akhbar AOB di laman web SC pada 2 Disember 2015]

---

### PANDANGAN RINGKAS MSWG MENGENAI TRANSAKSI KORPORAT SEMASA

#### TENAGA NASIONAL BHD (“TNB”)

TNB mengumumkan, pada 23 November 2015, syarikat menerima notis taksiran tambahan bagi tahun taksiran 2013 dan 2014, masing-masing berjumlah RM985.6 juta dan RM1.08 bilion.

Berdasarkan nasihat perundangan yang diperolehi daripada peguam percuaian mereka, TNB akan membuat rayuan terhadap notis itu dan proses rayuan sudah pun bermula.

[Sumber: Pengumuman TNB di laman web Bursa Malaysia pada 27 November 2015]

**KOMEN MSWG:**

Kami bukan sahaja bimbang dengan kuantum tuntutan cukai yang besar yang dikenakan oleh LHDN tetapi juga tertanya-tanya sama ada TNB mempunyai sebarang tuntutan cukai retrospektif selanjutnya. Kami berharap Lembaga Pengarah akan memberikan penerangan kepada para pemegang saham mengenai asas taksiran tambahan dan langkah yang diambil oleh pihak pengurusan untuk mengurangkan risiko tuntutan cukai ini kerana ia tidak dinyatakan dalam pengumuman yang dibuat berkenaan taksiran tambahan.

***MALAKOFF CORPORATION BERHAD (“MALAKOFF”)***

Malakoff mengumumkan Tanjung Bin Power Sdn Bhd (“TBP”/ “Plaintif”), sebuah anak syarikat Malakoff, pada 1 Disember 2015 telah memfailkan Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan (“WSOC”) terhadap IHI Corporation Japan (“IHI”), ISHI Power Sdn Bhd (“ISHI”) dan IHI Power Systems (M) Sdn Bhd (“IPSM”) (secara kolektif dirujuk sebagai “Defendant”).

TBP menuntut ganti rugi daripada IHI, ISHI dan IPSM kerana melanggar kewajipan berjaga-jaga, yang mereka secara individu dan/ atau berkumpulan terhutang kepada TBP.

Pelanggaran ini menyebabkan sekurang-kurangnya 22 insiden kegagalan tiub dandang berlainan di Loji dan ketidakupayaan Loji untuk memenuhi sesetengah syarat pengeluaran yang diperlukan.

Jumlah tuntutan terhadap Defendant pada masa ini dianggarkan kira-kira RM780 juta. Walau bagaimanapun, tuntutan terhadap Defendant berasingan dibuat di bawah kesalahan berasingan dan jumlah tuntutan yang berbeza.

Selain itu, TBP juga memohon pelepasan daripada mahkamah bagi kerugian dan kerosakan yang timbul daripada pelanggaran di atas, daripada IHI, ISHI dan IPSM yang merangkumi kos pembakaian dan penggantian, dan kerugian ekonomi termasuk pembayaran kapasiti sedia ada dan bayaran penggunaan harian serta faedah dan kos.

[Sumber: Pengumuman Malakoff di laman web Bursa Malaysia pada 1 Disember 2015]

**KOMEN MSWG:**

Pemegang saham Malakoff, terutama pelabur awam yang melanggan saham Malakoff dalam tawaran awam awal (“IPO”) pada April 2015 yang lalu, terkejut dengan tindakan undang-undang ini oleh Malakoff ke atas sesetengah pembekal dan perunding. Adakah peristiwa ini, kegagalan dan pelanggaran tanggungjawab oleh pembekal, menyebabkan gangguan dalam pengeluaran seperti yang dinyatakan dalam prospektus IPO? Adakah penganjur sudah menyelesaikan isu-isu kegagalan sebelum penyenaraian?

---

## Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat, [lyarahman@mswg.org.my](mailto:lyarahman@mswg.org.my)  
Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat [rebecca.yap@mswg.org.my](mailto:rebecca.yap@mswg.org.my)

Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat [banaik.quah@mswg.org.my](mailto:banaik.quah@mswg.org.my)  
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat [norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my)  
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat [cheemeng@mswg.org.my](mailto:cheemeng@mswg.org.my)  
Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat, [kinwing@mswg.org.my](mailto:kinwing@mswg.org.my)  
Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat [linnert.hoo@mswg.org.my](mailto:linnert.hoo@mswg.org.my)  
Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat [khalidah@mswg.org.my](mailto:khalidah@mswg.org.my)  
Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat [vinodth.ram@mswg.org.my](mailto:vinodth.ram@mswg.org.my)

---

#### **PENZAHIRAN KEPENTINGAN**

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini kecuali bagi Malakoff Corporation Berhad.*
- 

#### **Maklumbalas**

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke [mswg.ceo@mswg.org.my](mailto:mswg.ceo@mswg.org.my).

---

#### **PENOLAKAN TUNTUTAN**

*Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).*

*Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggar sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.*

*MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.*

*MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.*